



Standard Operating Procedure (SOP)

Perkhidmatan MyID Untuk Pegawai Kaunter/Perkhidmatan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah

LATAR BELAKANG



Apakah Itu MyID?

MyID merupakan inisiatif yang menggunakan nombor Kad Pengenalan sebagai nombor rujukan tunggal untuk warganegara berurusan dengan agensi Sektor Awam sebagai individu

LATAR BELAKANG



Pelaksanaan Inisiatif MyID...

“...untuk memudahkan warganegara Malaysia berurusan dengan agensi Sektor Awam dengan tidak perlu mengingati pelbagai nombor rujukan”



LATAR BELAKANG



Objektif Inisiatif MyID...

“...melibatkan semua agensi Sektor Awam yang menyediakan perkhidmatan kepada warganegara Malaysia sebagai individu”



LATAR BELAKANG



Mengapa Nombor Kad Pengenalan?

Dokumen pengenalan diri warga Malaysia

Nombor Kad Pengenalan adalah Unik

Maklumat penting yang diperolehi dan disimpan oleh agensi apabila warganegara Malaysia berurusan sebagai individu dengan agensi Kerajaan

Senarai Perkhidmatan



Perkhidmatan yang boleh menggunakan MyID di kaunter-kaunter Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDT SPT)

Bil	Nama Perkhidmatan
1	Permohonan Bantuan Kewangan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
2	Permohonan Bantuan Bencana
3	Permohonan Elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri
4	Permohonan Menyewa Gerai Pejabat Daerah dan Tanah

Lain-lain perkhidmatan yang boleh menggunakan MyID di PDT SPT melalui sitem yang dibangunkan oleh UPEN (Sistem iSejahtera) adalah seperti berikut:

Bil	Nama Perkhidmatan
1	Permohonan Dan Semakan Status Pendaftaran Program Penghargaan Warga Emas
2	Permohonan Dan Semakan Status Pendaftaran Program Bantuan Golongan Miskin Tegar.
3	Permohonan Dan Semakan Status Pendaftaran Program Bantuan Ibu Tunggal.

Perkara-Perkara Yang Perlu Dilaksanakan



Nombor Kad Pengenalan dijadikan sebagai nombor rujukan tunggal (MyID) bagi perkhidmatan Kerajaan yang memerlukan nombor rujukan apabila warganegara Malaysia berurusan sebagai individu. Pelaksanaan MyID melibatkan yang berikut:

- **Urusan Melalui Kaunter/Telefon**
- **Pengisian Borang Secara Manual**
- **Perkhidmatan *Online***
- **Dokumen Perkhidmatan/Surat**

Tindakan Yang Perlu Diambil



Urusan Melalui Kaunter/Telefon

- Hanya meminta **Nombor Kad Pengenalan** daripada warganegara Malaysia sebagai nombor rujukan.
- Tiada meminta nombor rujukan lain.

Tindakan Yang Perlu Diambil



Pengisian Borang Secara Manual

- Hanya meminta **Nombor Kad Pengenalan** daripada warganegara Malaysia sebagai nombor rujukan.
- Tiada meminta nombor rujukan lain.

Tindakan Yang Perlu Diambil



Perkhidmatan Online

- Hanya mengisi **Nombor Kad Pengenalan** sebagai nombor rujukan dan **TIDAK** mengisi nombor rujukan lain.

Tindakan Yang Perlu Diambil



Urusan Melalui Kaunter/Telefon

- **Dokumen perkhidmatan/Surat** sebagai contoh pasport, sijil ahli, surat dan lain-lain **MESTI** mempunyai **Nombor Kad Pengenalan** sebagai nombor rujukan



Tindakan Yang Perlu Diambil



Mengambil kira keselamatan maklumat dengan melaksanakan yang berikut:

- Mengenal pasti dokumen yang dikategorikan sebagai **SULIT**
- Melaksanakan langkah-langkah keselamatan – selepas menggunakan nombor **Kad Pengenalan**, perlu buat pengesahan identiti sebagai semakan peringkat kedua (*2nd Level Check*) sebelum maklumat sulit diberikan



TERIMA KASIH

